



KOLEJ ANTARABANGSA INOVATIF  
**INNOVATIVE**  
INTERNATIONAL COLLEGE

*Istiadat*  
**Konvokesyen**

ke-

**9**

**KOLEJ  
ANTARABANGSA  
INOVATIF**

PUSAT KONVENSYEN  
ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)  
10 DISEMBER 2023

**PROSEDUR KONVOKESYEN KE-9 IIC  
10 DISEMBER 2023**

---

**Penting:** Sila bawa bersama prosedur ini semasa menghadiri Istiadat Konvokesyen

Selamat Datang Semua Graduan

Bagi pihak Kolej Antarabangsa Inovatif (IIC), kami ingin mengalu-alukan kedatangan anda ke majlis graduasi ini. Kami mengucapkan tahniah diatas pencapaian anda yang luar biasa kerana anda telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Antarabangsa Inovatif dengan jayanya. Pengijazahan adalah kemuncak kerja keras dan merupakan peristiwa penting dalam perjalanan menuju kejayaan. Ia adalah detik yang membanggakan untuk anda serta semua keluarga dan rakan anda yang telah menyokong anda selama ini.

Garis panduan ini disediakan oleh Sekretariat sebagai usaha membantu graduan dalam merancang dan menghadiri majlis tersebut. Objektif utama kami adalah untuk mengadakan majlis graduasi dengan penuh penghargaan dan rasa hormat kepada para graduan. Oleh itu, sokongan anda dalam memastikan garis panduan ini dipatuhi dengan ketat adalah amat dihargai.

Kami berharap maklumat ini dapat memberi panduan kepada anda. Walau bagaimanapun, sila maklum bahawa ini hanyalah sebahagian daripada garis panduan am. Garis panduan ini tidak merangkumi semua kemungkinan dan soalan yang mungkin timbul dalam kes dan keadaan individu anda. Sila simpan garis panduan ini untuk rujukan anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kami akan bersedia untuk membantu anda. Sila simpan garis panduan ini untuk rujukan anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kami akan bersedia untuk membantu anda.

Sila hubungi kami melalui telefon [03-27262436](tel:03-27262436) (Samb 200), faks [03-7784 9008](tel:03-77849008) atau emel ke [marini@innovative.edu.my](mailto:marini@innovative.edu.my) / [aini@innovative.edu.my](mailto:aini@innovative.edu.my) / [najwa@innovative.edu.my](mailto:najwa@innovative.edu.my) / [rozlinda.othman@innovative.edu.my](mailto:rozlinda.othman@innovative.edu.my).

Kami akan membantu anda dalam apa jua cara dan pada bila-bila masa yang boleh. Kami mengalu-alukan penyertaan anda dalam majlis yang sangat bertuah ini.

Tahniah!

**Pendaftar.**

**“Pengijazahan adalah masa penyiapan, penamat, pengakhiran, namun, ia juga merupakan masa perayaan pencapaian dan permulaan bagi graduan baharu.”**

## ISI KANDUNGAN

NO	KANDUNGAN
1	Istiadat Konvokesyen
2	Pengesahan Penyertaan
3	Yuran Tunggakan
4	Pembayaran Yuran Graduasi
5	Kajian Pengesanan Siswazah
6	Kod Pakaian
7	Kad Jemputan
8	Pengambilan Jubah Graduasi
9	Raptai Konvokesyen
10	Protokol Penerimaan Skrol
11	Peraturan dan Etika Semasa Majlis
12	Jurugambar Rasmi
13	Pemulangan Jubah Graduasi
14	Pengumpulan Sijil dan Transkrip
15	Bantuan dan Pertanyaan
16	Tarikh Penting
17	Lampiran

## 1. Majlis Konvokesyen

Majlis Konvokesyen Ke-9 Kolej Antarabangsa Inovatif akan diadakan pada hari Ahad, 10 Disember 2023 di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, jam **7.00 pagi** hingga **1.00 tengah hari**.

## 2. Pengesahan Penyertaan

a. Sahkan kehadiran anda dengan menghantar Borang Pengesahan Kehadiran kepada kakitangan di bawah, selewat-lewatnya pada **30 November 2023**.

NO	NAMA	NO. TELEFON	EMEL
1	Cik Najwa	+603-27262436	<a href="mailto:najwa@innovative.edu.my">najwa@innovative.edu.my</a>
2	Cik Nadhirah	+603-27262436	<a href="mailto:nadhzakaria@innovative.edu.my">nadhzakaria@innovative.edu.my</a>
3	Cik Aini	+603-27262436	<a href="mailto:nadhzakaria@innovative.edu.my">nadhzakaria@innovative.edu.my</a>
4	Encik Luqman	+603-27262436	<a href="mailto:luqman@innovative.edu.my">luqman@innovative.edu.my</a>
5	Encik Syafiq	+603-27262436	<a href="mailto:syafiqsamad@innovative.edu.my">syafiqsamad@innovative.edu.my</a>
6	Encik Aqib	+603-27262436	<a href="mailto:mhdaqib@innovative.edu.my">mhdaqib@innovative.edu.my</a>
7	Cik Hazren	+603-27262436	<a href="mailto:azrenzulkafli@innovative.edu.my">azrenzulkafli@innovative.edu.my</a>
8	Encik Helmi	+603-27262436	<a href="mailto:helmi@innovative.edu.my">helmi@innovative.edu.my</a>

b. Cetak, isi dan hantar semula borang di bawah kepada pegawai yang bertanggungjawab di atas melalui emel :

- i. Borang Pengesahan Kehadiran
- ii. Borang Pengambilan Jubah dan Sijil
- iii. Borang Tamat Pengajian
- iv. Borang Alumni

## 3. Yuran Tunggalan

Graduan diwajibkan membayar yuran program sepenuhnya kepada kolej bagi mengikuti konvokesyen pada tahun ini. Sebarang yuran yang terhutang dengan pihak kolej mesti dijelaskan sebelum menghadiri majlis tersebut iaitu pada **7&8 Disember 2023**.

Penyelesaian yuran boleh dibuat dengan kaedah berikut :

- a. Melalui Bank atau pindahan dalam talian ke:

**NAMA AKAUN : KOLEJ ANTARABANGSA INOVATIF SDN BHD**

**NO AKAUN BANK : 3150-9890-34**

**NAMA BANK : PUBLIC BANK BERHAD**

- b. Pembayaran melalui Debit atau Kad Kredit secara walk-in ke pejabat  
**(TIADA PEMBAYARAN SECARA TUNAI)**

Sila emel/WhatsApp ke [011-5361 2436](tel:011-53612436) (Jabatan Kewangan) slip pembayaran anda kepada pegawai yang boleh dihubungi di bawah sebagai bukti pembayaran. Butiran No ID Pelajar / No IC hendaklah ditulis pada slip pembayaran dan sila nyatakan bayaran adalah untuk baki tertunggak.

#### **4. Pembayaran Yuran Graduasi**

Semua graduan diwajibkan membuat bayaran RM700.00 untuk pakej di bawah yang merangkumi:

- a. Penggunaan Jubah Graduasi Hitam, *Mortar Board & Hood*
- b. Folder Sijil
- c. Sijil Pengajian dan transkrip (Tiada hutang tertunggak)
- d. Gambar bersaiz 11R (menerima pada pose penuh pentas) dengan logo dan kapsyen.
- e. Gambar bersaiz 8R (menerima pose separuh pentas)
- f. Gambar bersaiz 5R (peringkat keluar pentas)
- g. Cenderahati

**\*Gambar bersama keluarga di “Photo Booth” TIDAK TERMASUK di dalam pakej ini.**

Kaedah Pembayaran

- a. Melalui Bank atau Bank transfer ke:

**NAMA AKAUN : KOLEJ ANTARABANGSA INOVATIF SDN BHD**

**NO AKAUN BANK : 3150-9890-34**

**NAMA BANK : PUBLIC BANK BERHAD**

- b. Pembayaran melalui Debit atau Kad Kredit secara walk-in ke pejabat  
**(TIADA PEMBAYARAN SECARA TUNAI)**

## 5. Kajian Pengesanan Siswazah

Semua graduan diwajibkan menyertai kajian pengesanan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Soal selidik boleh didapati dalam talian di <https://great.mohe.gov.my/>. Sila bawa bersama cetakan bukti penyelesaian tinjauan semasa pengambilan jubah graduasi.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pejabat Pendaftaran di +603-27262436 atau emel ke [aini@innovative.edu.my](mailto:aini@innovative.edu.my).

## 6. Etika Pemakaian

Semua graduan dan tetamu **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan seperti dibawah. (LAMPIRAN 2)

### a. Pakaian Tetamu Lelaki

- i. Baju kebangsaan atau
- ii. Batik atau
- iii. *Lounge suit* dan
- iv. Kasut kulit atau kasut loafer
- v. T-shirt dan seluar jeans adalah **TIDAK DIBENARKAN**

### b. Pakaian Tetamu Wanita

- i. Baju kebangsaan atau
- ii. Batik
- iii. Kasut bertutup
- iv. Pakaian gaun atau *skirt* di atas paras lutut, *blouse* tanpa lengan, t-shirt dan seluar jeans adalah **TIDAK DIBENARKAN**

### c. Pakaian Graduan Lelaki

- i. Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak kolej)
- ii. Sepasang baju melayu lengkap berwarna gelap atau;
- iii. Sut lounge termasuk seluar berwarna hitam atau;
- iv. Baju kemeja berlengan panjang berwarna bebas serta bertali leher gelap dan berseluar panjang berwarna hitam
- v. Kasut kulit hitam dan stokin hitam
- vi. T-shirt dan seluar jeans adalah **TIDAK DIBENARKAN**

- d. Pakaian Graduan Perempuan
- i. Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak kolej).
  - ii. Semua graduan Islam dimestikan memakai baju kurung tradisional ATAU kebaya labuh/kebarung
  - iii. Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian
  - iv. Sarung kebaya tanpa menggunakan belah (*slit*) di tepi tetapi boleh memakai lipatan (*pleat*) di bahagian hadapan
  - v. Kain jenis *lace* boleh dipakai dengan syarat ada *lining*
  - vi. Kasut bertutup
  - vii. Anda dilarang sama sekali memakai pakaian yang mencolok mata seperti pendek, jarang, ketat atau mendedahkan
  - viii. Pakaian fesyen berseluar tidak dibenarkan sama sekali
  - ix. Pakaian gaun atau skirt di atas paras lutut, blouse tanpa lengan, t-shirt dan seluar jeans adalah **TIDAK DIBENARKAN**

**PENTING:** Sila ambil perhatian bahawa seluar kasual/ pendek, seluar jeans, seluar ketat dan *legging*, t-shirt, kasut sukan, sandal dan selipar adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**Kanak-kanak bawah 12 tahun adalah tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan. Jawatankuasa Konvokesyen mempunyai kuasa untuk menghalang tetamu daripada memasuki dewan sekiranya mereka gagal mematuhi etika pemakaian yang dinyatakan di atas.**

## 7. Kad Jemputan

Graduan akan menerima beberapa item seperti berikut:

- a. Satu (1) kad jemputan
  - Hanya tetamu yang mempunyai kad jemputan dibenarkan masuk ke dalam Dewan Istiadat Konvokesyen.
  - Kehilangan kad jemputan tidak akan diganti.
  - Bagi konvokesyem ke - 9 tahun 2023, empat (4) tetamu dibenarkan masuk bagi setiap kad jemputan dan mestilah berumur lebih daripada 12 tahun.
- b. Nombor Giliran
  - Nombor ini digunakan untuk menentukan kedudukan graduan sebelum menaiki pentas untuk menerima skrol.
  - Ia juga akan digunakan untuk mengumumkan nama graduan ketika bersidang serta memaparkan nama graduan di skrin layar.

## 8. Pengambilan Jubah Graduasi

a. Graduan boleh mula mengambil jubah graduasi mengikut ketetapan berikut:

**Tempat** : Blok C, Kolej Antarabangsa Inovatif.  
**Tarikh** : 7 & 8 Disember 2023  
**Masa** : 10.00 pagi – 5.00 petang

b. Pastikan semua dokumen (**Rujuk Perkara 2 (b) i,ii,iii dan iv**) yang diperlukan haruslah lengkap diisi dan diserahkan kepada pegawai yang bertugas pada hari pengambilan jubah, *hood* serta *mortar board*.

c. Ketika pengambilan jubah, graduan hendaklah memeriksa keadaan jubah terlebih dahulu dan memastikan jubah diterima dalam kondisi yang baik dan memuaskan. Sebarang aduan selepas itu, tidak akan dilayan.

d. Jubah tidak boleh diubah suai tanpa kebenaran pihak kolej dan pemulangan jubah haruslah mematuhi tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

## 9. Raptai Konvokesyen

Pihak kolej tidak akan menjalankan raptai sebelum sidang. Oleh yang sedemikian, para graduan dinasihatkan untuk membaca etika dan peraturan ketika menerima skrol seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Konvokesyen.



## 10. Protokol Menerima Skrol

- a. Ketua Program bagi setiap fakulti atau Ketua Akademik akan mengumumkan Diploma yang akan diberikan.
- b. Graduan haruslah berdiri, tunduk dan bergerak ke arah tangga yang berada di tepi pentas.
- c. Berikan kad nombor giliran anda kepada pegawai bertugas sebelum bergerak ke pentas.
- d. Sebaik sahaja nama anda disebut oleh pengerusi majlis, sila bergerak ke arah pentas yang telah bertanda, tunduk dan maju selangkah ke hadapan.
- e. Skrol akan disampaikan oleh Presiden Kolej Antarabangsa Inovatif ditemani oleh Pengerusi dan Naib Canselor Kolej Antarabangsa Inovatif.
- f. Graduan hendaklah menerima skrol tersebut dengan menggunakan kedua-dua belah tangan, tunduk dan berjalan ke kerusi anda semula. Graduan tidak perlu bersalaman ketika menerima skrol tersebut.

## 11. Peraturan dan Etika Ketika Berada di dalam Dewan

Bagi memastikan majlis konvokesyen berjalan dengan penuh penghormatan, adat dan tatasusila, pihak Kolej Antarabangsa Inovatif berharap agar para graduan dan tetamu-tetamu yang hadir dapat memberi kerjasama yang penuh. Oleh itu, diminta jasa baik graduan dan tetamu untuk membaca dan memahami peraturan serta etika seperti yang dinyatakan di bawah.

- a. Graduan tidak boleh diganti atau diwakili oleh sesiapa ketika Penganugerahan Diploma sedang berlangsung.
- b. Bagi memastikan majlis berjalan dengan lancar, graduan dan tetamu tidak dibenarkan bergerak atau meninggalkan dewan semasa majlis sedang berlangsung.
- c. Hanya jurugambar rasmi dari pihak Kolej Antarabangsa Inovatif sahaja yang dibenarkan untuk mengambil gambar atau video graduan ketika penganugerahan skrol.
- d. Graduan dan tetamu tidak dibenarkan sama sekali mengambil gambar graduan di atas pentas ketika sesi penganugerahan.
- e. Sekiranya terdapat sebarang gangguan semasa majlis sedang berlangsung, pegawai yang bertugas berhak untuk mengarahkan individu tersebut keluar dari dewan.

### **Dibenarkan**

- a. Graduan wajib menghadirkan diri **SATU JAM LEBIH AWAL SEBELUM MAJLIS BERMULA**.
- b. Sila pastikan anda mengambil sarapan pagi/ makanan sebelum majlis bermula. Graduan dan tetamu tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan dewan sehingga majlis selesai.
- c. Sila pastikan graduan memakai pakaian dan jubah yang telah ditetapkan sebelum memasuki dewan.

### **Tidak Dibenarkan**

- a. Graduan tidak dibenarkan membawa masuk kamera yang mempunyai *flash*, jambangan bunga, makanan ke dalam dewan konvokesyen.
- b. Graduan tidak dibenarkan berlegar-legar di dalam dewan semasa majlis sedang berlangsung.
- c. Graduan tidak dibenarkan ke tandas semasa majlis berlangsung.

## **12. Jurugambar Rasmi**

- a. Jurugambar rasmi yang telah dilantik oleh pihak Kolej Antarabangsa Inovatif akan mengambil gambar para graduan ketika graduan sedang menerima skrol di atas pentas.
- b. *Photobooth* tambahan berbayar akan disediakan di luar dewan selepas majlis konvokesyen bagi graduan yang ingin mengambil gambar bersama ahli keluarga.
- c. Gambar boleh dituntut di kolej pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

## **13. Pemulangan Jubah Graduasi**

- a. Graduan perlu memulangkan jubah graduasi dalam keadaan baik selepas majlis konvokesyen. **(Sila rujuk Notis Pemberitahuan di website Innovative/ diedarkan sewaktu hari penerimaan jubah)**
- b. Graduan perlu bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kehilangan pakaian jubah graduasi.
- c. Graduan yang gagal memulangkan set pakaian konvokesyen **WAJIB** membayar kos penuh dan akan dianggap jual.

No.	Pakaian Konvokesyen	Jumlah
1	Jubah Graduasi	RM 200.00
2	<i>Hood</i>	RM 15.00
3	<i>Mortar Board</i>	RM 100.00
4	Selempang	RM 50.00

#### 14. Pengumpulan Sijil dan Transkrip

- a. Sijil dan transkrip boleh diambil di kaunter sijil selepas graduan memulangkan set pakaian konvokesyen.
- b. Anda tidak akan dapat mengambil sijil dan transkrip jika graduan **BELUM**:
  - i. Memulangkan set pakaian konvokesyen.
  - ii. Membayar yuran pengajian, yuran asrama atau sebarang denda.
- c. Sijil dan transkrip yang tidak diambil akan disimpan oleh pihak kolej. Walau bagaimanapun, pihak kolej tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan pada sijil dan transkrip.

#### 15. Bantuan dan Pertanyaan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, boleh menghubungi kami melalui kakitangan berikut :

NO	NAMA	NO. TELEFON	EMEL
1	Cik Najwa	+603-27262436	<a href="mailto:najwa@innovative.edu.my">najwa@innovative.edu.my</a>
2	Cik Nadhirah	+603-27262436	<a href="mailto:nadhzakaria@innovative.edu.my">nadhzakaria@innovative.edu.my</a>
3	Cik Aini	+603-27262436	<a href="mailto:nadhzakaria@innovative.edu.my">nadhzakaria@innovative.edu.my</a>
4	Encik Luqman	+603-27262436	<a href="mailto:luqman@innovative.edu.my">luqman@innovative.edu.my</a>
5	Encik Syafiq	+603-27262436	<a href="mailto:syafiqsamad@innovative.edu.my">syafiqsamad@innovative.edu.my</a>
6	Encik Aqib	+603-27262436	<a href="mailto:mhdaqib@innovative.edu.my">mhdaqib@innovative.edu.my</a>
7	Cik Hazren	+603-27262436	<a href="mailto:azrenzulkafli@innovative.edu.my">azrenzulkafli@innovative.edu.my</a>
8	Encik Helmi	+603-27262436	<a href="mailto:helmi@innovative.edu.my">helmi@innovative.edu.my</a>

**16. Tarikh Penting**

No.	Tarikh	
1	30 November 2023	Pengesahan Kehadiran
2	30 November 2023	Emel kembali borang graduasi
3	20 November 2023	Selesaikan yuran graduasi
4	7 & 8 Disember 2023	Menyelesaikan yuran pengajian yang tertunggak, atau yuran asrama yang tertunggak
5	7 & 8 Disember 2023	Mengambil Jubah Graduasi
6	10 Disember 2023	Hari Konvokesyen

## 1. Piawaian Prosedur Operasi

### a. Proses Ketibaan Graduan dan Tetamu

- i. Graduan dan tetamu hendaklah merujuk **PERKARA 6: Etika Pemakaian**.
- ii. Sila mengikut papan tanda yang telah disediakan.  
Membuat Pendaftaran di **Tingkat 2 (Bagi para graduan)**, Pusat
- iii. **Konvokesyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)** sebelum masuk ke dalam dewan.

### b. Semasa Istiadat Konvokesyen

- i. Ambil kedudukan seperti yang diatur atau ditetapkan oleh penganjur.
- ii. Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar dewan sama ada sebelum atau selepas majlis.
- iii. Tidak membuat bising semasa majlis berlangsung.
- iv. Tinggalkan majlis dengan teratur dan tidak sesak.

### c. Sesi Fotografi

- i. Graduan dan tetamu dinasihatkan untuk tidak berkumpul di kawasan *photobooth* bagi mengelakkan kesesakan.

### d. SOP Kesihatan

- Individu yang menghidap penyakit kronik dinasihatkan untuk tidak menghadiri majlis konvokesyen.
- Individu yang mempunyai alahan dan kebergantungan ubat-ubatan perlu mendapat pengesahan daripada pakar perubatan yang diprakui.

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN 1	ATURCARA ISTIADAT
LAMPIRAN 2	KOD PAKAIAN
LAMPIRAN 3	JUBAH GRADUASI
LAMPIRAN 4	PELAN SUSUN ATUR
LAMPIRAN 5	SENARAI PROGRAM

## LAMPIRAN 1

## ATURCARA ISTIADAT

7.00 am	: Pendaftaran : Ibu bapa dan Tetamu masuk ke dalam dewan
8.45 am	: Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00 am	: Ketibaan Profesor Emeritus Dato' Dr Hashim bin Yaacob, Pengerusi Kolej Antarabangsa Inovatif dan Naib Canselor Profesor Dr Mohd Zaher Bin Mohd Zain : Sesi Fotografi
9.10 am	: Perarakan Graduan masuk ke Dewan : Perarakan Ahli Akademik memasuki Dewan
9.30 am	: Perarakan Utama ke Dewan : Lagu Kebangsaan : Bacaan Doa oleh Pengurus Besar, En Abdul Rahman Bin Kasbi : Ucapan Presiden Kolej Antarabangsa Inovatif, Puan Shahawati binti Umar : Pembukaan Rasmi Majlis Graduasi IIC ke-9 2023 : Ucapan Pengerusi Kolej Antarabangsa Inovatif, Profesor Emeritus Dato' Dr Hashim bin Yaacob : Ucapan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Antarabangsa Inovatif, Profesor Dr. Zaher Mohd Zain : Persembahan Multimedia : Penganugerahan Diploma : Persembahan : Penganugerahan Diploma : Persembahan : Pengesahan Anugerah Dekan, Anugerah Fakulti dan Pelajar Terbaik : Ucapan penerima Anugerah Pelajar Terbaik : Persembahan Multimedia : Nyanyian Lagu Inovatif Dihatiku
1.00 pm	: Perarakan Ahli Akademik keluar dari Dewan : Perarakan Graduan keluar dari Dewan : Perarakan Utama keluar dari Dewan : Majlis Tamat

LAMPIRAN 2

KOD PAKAIAN UNTUK KONVOKESYEN

Untuk Perempuan



Untuk Lelaki





## LAMPIRAN 3

### JUBAH GRADUASI

Contoh Jubah Graduasi Graduan Diploma



LAMPIRAN 4

PELAN SUSUN ATUR



## LAMPIRAN 5

### SENARAI PROGRAM

1. DIPLOMA PENTADBIRAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
2. DIPLOMA PENGURUSAN HAJI & UMRAH
3. DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL (PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA)
4. DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL
5. DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN
6. DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN JEPUN
7. DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
8. DIPLOMA PENGURUSAN UMRAH HAJI
9. DIPLOMA PENTADBIRAN PERNIAGAAN
10. DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN (INNOVATIVE SCHOOL OF MANAGEMENT – ISM)
11. DIPLOMA SENI KULINARI



KOLEJ ANTARABANGSA INOVATIF  
**INNOVATIVE**  
INTERNATIONAL COLLEGE

☎ 03-2726 2436

✉ [info@innovative.edu.my](mailto:info@innovative.edu.my)

🌐 [www.innovative.edu.my](http://www.innovative.edu.my)

📱 [f](https://www.facebook.com/innovative.my) [@](https://www.instagram.com/innovative.my) [d](https://www.tiktok.com/@innovative.my) innovative.my